

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]

SOALAN NO. 267

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a. bilangan golongan orang kurang upaya (OKU) yang terdapat di kawasan Miri. Apakah rancangan Kementerian untuk membantu golongan OKU untuk meningkatkan kemudahan dan peluang mereka untuk melanjutkan persekolahan menengah di Miri ; dan
- b. buat masa kini, hanya terdapat dua (2) buah sekolah menengah yang menampung kemasukan murid-murid golongan orang kurang upaya iaitu SMK Luak Miri dan SMK St Joseph Miri di mana ianya tidak mencukupi. Adalah dicadangkan supaya sekolah menengah SMK Lutong Miri atau SMK Merbau Miri turut dibuka untuk murid-murid OKU untuk melanjutkan persekolahan mereka ke sekolah menengah.

JAWAPAN (a)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 31 Januari 2019 terdapat seramai 456 orang murid bekeperluan khas (MBK) di Miri, Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 287 orang adalah MBK sekolah rendah dan 169 orang MBK di sekolah menengah.

NO. SOALAN: 267

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025 yang mensasarkan 30 peratus MBK berada dalam Program Pendidikan Inklusif (PPI) pada akhir tahun 2015 dan seterusnya 75 peratus pada tahun 2025, KPM menggalakkan lebih ramai MBK mengikuti Program Pendidikan Inklusif (PPI). Justeru, KPM komited dalam memastikan semua sekolah yang mempunyai MBK dilengkapi dengan kemudahan mesra orang kurang upaya (OKU) secara berperingkat-peringkat selaras dengan Dasar Sifar Penolakan.

Pada tahun 2019, dua (2) buah sekolah di Miri telah diluluskan untuk penyelenggaraan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) iaitu di SMK Luak dan SMK St Joseph yang melibatkan peruntukan sebanyak RM50,000.00 bagi setiap sekolah.

JAWAPAN (b)

Buat masa ini terdapat tiga (3) buah sekolah menengah yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi , di daerah Miri iaitu SMK Luak (PPKI Pembelajaran), SMK St. Joseph (PPKI Pembelajaan) dan SMK Dato' Permaisuri (PPKI Pendengaran). Cadangan untuk membuka kelas PPKI di SMK Lutong atau SMK Merbau, Miri sememangnya dalam perancangan pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi menampung keperluan MBK di kawasan tersebut.

Namun demikian, buat masa ini perancangan tersebut belum dapat dilaksanakan kerana kedua-dua sekolah tersebut adalah sekolah dua (2) sesi dan mempunyai bilangan pelajar yang ramai. Di samping itu, sekolah tersebut tidak mempunyai bilik darjah yang mencukupi untuk membolehkan kelas PPKI dibuka di sekolah tersebut. Sehubungan dengan itu, MBK yang berkefungsian tinggi dan sederhana dicadangkan untuk mengikuti PPI di sekolah aliran perdana.